

>> KHAS > SINAR RASUAH BUSTER > Amalkan empat sifat utama Rasulullah SAW

Amalkan empat sifat utama Rasulullah SAW

NUR IFTITAH ROZLAN || 18 Oktober 2021



Forum Kesejahteraan Ummah bertajuk 'Siddiq-Amanah-Tabligh-Fathonah: Menghapus Amalan Rasuah dan Salah Guna Kuasa' anjuran Yayasan Ohsem Malaysia dan Program Gerak Prihatin yang berlangsung secara dalam talian pada Isnin.

SHAH ALAM - Umat Islam digalakkan untuk mengamalkan empat sifat utama Nabi Muhammad SAW iaitu siddiq, amanah, tabligh dan fathonah sebagai salah satu usaha untuk menghapus amalan rasuah dan salah guna kuasa.

Pengarah Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik (Syarak) Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Dr Mohd Farid Mohd Shahrhan berkata, sebagai umat Islam, sifat-sifat itu perlu diketengahkan kerana ia merupakan prasyarat kepada integriti Nabi Muhammad SAW.

Beliau berkata, empat sifat utama tersebut merupakan sunnah yang paling mencabar untuk diikuti.

“Siddiq membawa maksud bersifat benar, amanah dalam kehidupan, serta tabligh iaitu menyampaikan. Dalam konteks rasuah, kita perlu telus dalam apa jua keadaan. Contohnya, jika kita tahu tentang maklumat rasuah, kita perlu sampaikan.

“Selain itu, sifat fathonah iaitu bijaksana juga perlu diterapkan dalam diri. Bukan sekadar ada ilmu dan maklumat, tapi kita juga bijaksana iaitu tahu apa yang harus dilakukan pada masa dan keadaan yang sesuai.



“Hari ini saya lihat ramai orang mahu ikut sunnah Nabi Muhammad SAW, tapi banyaknya hanya minat ikut dari segi pemakaian dan pemakanan, sedangkan ini merupakan sunnah yang agak mudah untuk diikuti,” katanya ketika 'Forum Kesejahteraan Ummah' bertajuk 'Siddiq-Amanah- Tabligh-Fathonah: Menghapus Amalan Rasuah dan Salah Guna Kuasa' yang berlangsung secara dalam talian pada Isnin.

Forum berkenaan anjuran Yayasan Ohsem Malaysia dan Program Gerak Prihatin.

Mengulas lanjut, Mohd Farid Mohd Shahrin berkata, sebagaimana Rasulullah SAW mempunyai amanah besar yang diberikan ALLAH SWT, maka dalam konteks masyarakat kini khususnya orang Islam juga adalah insan yang dicipta oleh Tuhan untuk menyampaikan amanah.